

**KERATAN AKHBAR BULAN OGOS 2021**  
**UTUSAN MALAYSIA**

**KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN OGOS 2021**

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	03.08.2021	Rumusan Pemerolehan Vaksin Covid-19 Dibentang Oktober Ini	2
2.	03.08.2021	Bekas Kontraktor Guna Dokumen Palsu	3
3.	06.08.2021	Identiti Digital Nasional Diperkenal	4
4.	11.08.2021	Pegawai Jurutera Kanan PBT Direman 5 Hari	5
5.	12.08.2021	Bekas Datuk Bandar Direman	6
6.	12.08.2021	Pegawai Imigresen Didenda RM3,000 Gagal Lapor Rasuah	7
7.	17.08.2021	Saksi Tidak Tahu Pertemuan Guan Eng, Pengarah Syarikat	8
8.	19.08.2021	Lima Individu Termasuk Jurutera Direman	9
9.	28.08.2021	Shamsuhairin Mengaku Tidak Bersalah Terima Rasuah RM10,000	10

UTUSAN MALAYSIA/3 OGOS 2021/M.S:7

# Rumusan pemerolehan vaksin Covid-19 dibentang Oktober ini

Oleh MOHD. FADHLI  
MOHD. SULAIMAN  
fadhlisulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan mengemukakan rumusan dan syor kepada kerajaan berkenaan laporan pemerolehan vaksin Covid-19 dan penggunaannya di Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen Oktober depan.

Pengerusinya, Wong Kah Woh berkata, pihaknya sudah selesai menjalankan prosiding pagi semalam yang dihadiri Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Mohd. Shafiq Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah dan Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Dr. Roshayati Rusli.

Prosiding tersebut berjalan lancar dengan pematuhan prosedur operasi (SOP) kesihatan, katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mei lalu, *Utusan Malaysia*



WONG KAH WOH

melaporkan PAC kini ‘lumpuh’ dan tidak dapat menjalankan fungsi sebagai semak dan imbang dalam meneliti perbelanjaan kerajaan dengan lima laporan maklum balas kementerian gagal dibentangkan di Parlimen.

Rentetan itu, PAC tidak dapat bertanyakan soalan setiap maklum balas daripada kementerian secara mendalam terhadap

rumusan dan syor laporan PAC yang diantar maklum balas secara bertulis sebelum ini.

Dua laporan utama mesti dibentangkan ketika itu berkenaan perolehan dan penggunaan vaksin serta dana RM5 bilion daripada RM19.5 bilion diambil daripada Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) untuk mempercepat proses pemerolehan vaksin.

Sebanyak 15 mesyuarat PAC bagi tahun 2021 melibatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kewangan dan beberapa agensi kerajaan tertangguh kecuali Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang statusnya masih berjalan.

Prosiding terakhir PAC adalah pada 5 Januari 2021 berhubung perolehan vaksin Covid-19 manakala prosiding lain terpaksa ditangguh akibat proklamasi darurat.

Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen ke-14 bagi Dewan Rakyat pada semalam pula

ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditetapkan akibat pandemik Covid-19.

Dalam pada itu, Kah Woh mendakwa polis cuba menghalang ahli PAC untuk meneruskan prosiding bersama Kementerian Kesihatan di Parlimen, semalam.

Beliau telah memaklumkan kepada pihak polis yang bertugas di sekatan jalan raya mengenai peranannya dalam PAC supaya diberikan laluan namun tidak dibenarkan.

“Situasi sama berlaku terhadap beberapa ahli PAC walaupun mereka mempunyai surat panggilan mesyuarat yang ditandatangani Setiausaha Dewan Rakyat mengenai prosiding pada semalam.

“Pihak polis turut mengugut untuk menahan saya sekiranya tidak beredar dari sekatan jalan raya dalam tempoh dua minit. Walaupun pada akhirnya ahli-ahli PAC diberikan laluan setelah campur tangan daripada Pengurusan Parlimen, ini satu ancaman terhadap peranan kami selaku PAC,” katanya.

UTUSAN MALAYSIA/3 OGOS 2021/M.S:29

## Bekas kontraktor guna dokumen palsu

**ALOR SETAR:** Seorang bekas kontraktor dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tuduhan menggunakan dokumen palsu, empat tahun lalu.

Tertuduh, Ismail Ahmad, 61, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik sahaja pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan hakim Harmi Thamri Mohamad.

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa dengan curangnya menggunakan satu dokumen sebagai tulen iaitu resit permintaan Kejai Nursery berjumlah RM11,266 dalam urusan rasmi.

Tertuduh didakwa memiliki sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di Pejabat Pihak Berkuastra Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah

(Risda) Stesen Kuala Ketil / Taraw di Baling pada 29 Ogos 2017.

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama yang memerlukan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh dibebaskan dengan jaminan sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin dan tertuduh membayar jaminan tersebut.

Kes akan disebut semula pada 2 September depan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd. Zulfadli Azharuddin sementara tertuduh diwakili peguam, Ahmad Dasuki Che Hasan.



ISMAIL Ahmad (kanan) yang dituduh menggunakan dokumen palsu berbual dengan peguamnya, Ahmad Dasuki Che Hasan di Mahkamah Sesyen Alor Setar semalam. - UTUSAN/MOHD. RAFIE AZIMI

## Dalam Negeri

Pengesahan identiti secara elektronik melalui pengecaman wajah, iris, suara dan DNA

# Identiti Digital Nasional diperkenal

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan memperkenalkan satu lagi pengesahan identiti rakyat Malaysia dikenali Identiti Digital Nasional (NDID) yang dilaksanakan secara berperingkat sebelum 2023.

NDID adalah proses pengesahan identiti sesorang secara elektronik berdasarkan ciri-ciri biometrik seperti 10 cap jari, pengecaman wajah, iris, suara, DNA dan pelbagai lagi ciri pengesahan lain melalui gunaan pelbagai medium.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pengesahan berkenaan boleh digunakan melalui medium seperti telefon pintar, peranti elektronik, kad pintar, teknologi awan (cloud technology) dan lain-lain teknologi di masa hadapan.

Jelas beliau, NDID bakal digunakan orang awam, kerajaan dan syarikat perniagaan untuk mengesahkan identiti mereka ketika mendapatkan perkhidmatan melalui imbasan biometrik sekali gus membolehkan maklumat tersimpan dikeluaran dengan pantas untuk sesuatu urus niaga tanpa perlu menunjukkan



MUSTAPA MOHAMED

bukti pengenalan diri atau membawa fail dokumen peribadi.

"Strategi pelaksanaan sedang diperhalusi dan akan dimaklumkan pada masa sesuai. Perlu juga ditekankan bahawa penggunaan NDID tidak akan menghapuskan penggunaan MyKad sebagai dokumen pengenalan diri," katanya di sini semalam.

Menurut Mustapa, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) diberi tanggungjawab sejak November 2019 untuk menjalankan kajian dan menyediakan satu pelan tindakan bagi pelaksanaan NDID.

Dalam pada itu beliau berkata, kerajaan juga bakal memperluaskan tandatangan digital iaitu tandatangan elektronik, dan mengesahkan penggunaan tandatangan digital melalui si-



SETIAP orang tetap perlu memiliki MyKad sebagai bukti kewarganegaraan yang sah dan rasmi walaupun Identiti Digital Nasional berdasarkan ciri-ciri biometrik diperkenalkan bermula 2023.

identiti penghantar atau penandatangan sesuatu mesej bagi memastikan sesuatu maklumat adalah betul dan sah di dalam transaksi elektronik.

Katanya, Akta Tandatangan Digital 1997 (ATD 1997) mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1998 menjamin keselamatan mengenai isu undang-undang berkaitan transaksi elektronik, dan mengesahkan penggunaan tandatangan digital melalui si-

jil perakuan yang dikeluarkan Pihak Berkuaas Pemerikuan (PBP) berlesen.

Katanya, SKMM juga adalah pihak bertanggungjawab dalam mentadbir, menguat kuasa dan melaksanakan peruntukan di bawah ATD 1997.

"Kedua-dua inisiatif ini penting untuk mengupayakan pelbagai transaksi rasmi dan komersial secara dalam talian agar menjadi lebih selamat, cepat

dan tepat selain dapat mempermudahkan urusan dalam perniagaan dan kerajaan termasuk mengurangkan kerenten dan kos.

Mustapa berkata, antara bidang utama yang bakal mendapat manfaat besar daripada pelaksanaan NDID ialah penyimpanan rekod kesihatan dan perhidmatan kesihatan, sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, keselamatan awam, aktiviti perbankan,

UTUSAN MALAYSIA | 11 Ogos 2021 | Pg 26

## Pegawai jurutera kanan PBT direman 5 hari

**GEORGETOWN:** Seorang pegawai kanan Jabatan Kejuruteraan di sebuah majlis perbandaran di Kedah dan seorang kontraktor direman selama lima hari bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan nilai RM200,000 dua tahun lalu.

Penolong Kanan Pendaftrar Mahkamah Majistret Georgetown, Nur Fardrina Zulkhairi membenarkan permohonan reman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap suspek berusia 41 dan 48 tahun itu bermula hari ini hingga Sabtu ini.

Kedua-dua suspek itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPM Pulau Pinang, di Jalan Sultan Azlan Shah, Georgetown, kira-kira pukul 11 pagi semalam.

Menurut sumber SPRM, pegawai kanan berusia 41 tahun itu dipercayai menyalahgunakan kuasanya bagi mencadangkan syarikat milik bapanya memperoleh projek yang dikeluarkan kerajaan pada 2019.

Katanya, suspek dikatakan membuat cadangan itu kepada Lembaga Perolehan Negeri Kedah membabitkan projek kerja menurap dan menyelenggara jalan di sebuah daerah di negeri ini.

Jelasnya, kontraktor lelaki berusia 48 tahun itu pula dipercayai turut mempunyai kaitan dalam kes tersebut.

Kedua-dua tertuduh diwakili peguam Parmjit Singh.

Difahamkan, SPRM akan memanggil beberapa orang saksi untuk siasatan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Utusan Malaysia | 12 August 2021 | Page 12

## \*Bekas Datuk Bandar direman

**JOHOR BAHRU:** Seorang bekas Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) ditahan reman tiga hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes terlibat menerima rasuah ketika bertugas di pihak berkua-sa tempatan (PBT) itu.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Mohd. Zulhilmi Ibrahim selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor membuat permohonan berkenaan di Mahkamah Johor Bahru, pagi semalam.

Suspek yang berusia 60 tahun itu tiba di pekarangan mahkamah kira-kira pukul 9 pagi dengan berpakaian baju lokap SPRM berwarna jingga dan diiringi dua pegawai pen-guatuasa agensi berkenaan.

Kelmarin, SPRM Johor dilaporkan menahan seorang pegawai kanan kerajaan itu pada pukul 3 petang di Ibu Pejabat SPRM Johor.

Sumber memaklumkan, suspek yang ditahan SPRM Cawangan Batu Pahat itu disyaki menerima wang rasuah daripada kontraktor bagi setiap kelulusan projek-projek yang dilaksana-kan di bawah kendalian MBIP sewaktu menjadi Datuk Bandar.

Suspek yang kini bertugas di MBJB ditahan ketika hadir mem-berikan keterangan bagi mem-bantu siasatan yang dijalankan.



SUSPEK berusia 60 tahun diiringi dua pegawai SPRM dibawa ke Mahkamah Johor Bahru bagi mendapatkan perintah reman di Johor Bahru, Johor. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Utusan Malaysia | 12 August 2021 | Page 12

# Pegawai Imigresen didenda RM3,000 gagal lapor rasuah

**SHAH ALAM :** Seorang Pegawai Imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dijatuhi hukuman denda RM3,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas di dapati bersalah gagal melaporkan kesalahan tawaran rasuah berjumlah RM25,000, empat tahun lalu.

Hakim Rozilah Salleh memutuskan hukuman itu selepas tertuduh, Noor Azma Azmin, 39, membuat pengakuan bersalah atas pertuduhan pindaan pilihan yang dikenakan ke atasnya.

Jika gagal membayar denda terbabit, Noor Azma diarah untuk menjalani hukuman penjara selama tiga bulan.

Dalam penghakimannya, Rozilah berkata, kesalahan dilakukan pegawai imigresen gred KP19 itu merupakan satu kesalahan sangat serius dan jika tertuduh berintegriti dan melaksanakan tugas dengan rasa tanggungjawab, dia boleh mencegah perkara terbabit.

"Kamu melepaskan 80 warga asing, bukan satu orang. Saya harap apa-apa hukuman ini dapat menimbulkan rasa keinsafan pada kamu dan jangan

ulangi lagi bukan sahaja kesalan ini tetapi apa-apa kesalahan jenayah rasuah yang lain.

"Jika kamu mengambil rasuah dan kalau ada anak-anak yang bergantung pada kamu, ia akan menjadi darah daging kalau kita beri mereka makan dengan duit rasuah itu," katanya.

Terdahulu, Noor Azma yang merupakan ibu kepada tiga cahaya mata berusia antara empat bulan hingga lima tahun mengaku bersalah atas pertuduhan pindaan pilihan.

Dia didakwa ditawarkan suapan berjumlah RM25,000 secara tunai daripada Norafzadina Mohd. Zainul sebagai upah membantu melepaskan warganegara China dan Pakistan dari sebarang tindakan mengikut Akta Imigresen 1959/63 yang mana dia telah melanggar peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 untuk menggalakkan integriti dan keber tanggungjawaban pentadbiran sektor awam serta gagal melaporkan kesalahan tawaran suapan kepada pihak SPM atau pegawai polis yang paling hampir.

Utusan Malaysia | 17 August 2021 | Page 10

# Saksi tidak tahu pertemuan Guan Eng, pengarah syarikat

Oleh NORLIZAH ABAS

utusannews@mediamula.com.my

**KUALA LUMPUR:** Seorang saksi memberitahu Mahkamah Sesyen di sini semalam, beliau tidak mengetahui bekas Lim Guan Eng mengadakan pertemuan dengan seorang pengarah syarikat yang berminat melaksanakan projek pembinaan jalan utama dan terowong dasar laut di negeri itu.

Datuk Lim Hock Seng, 73, berkata, bekas Ketua Menteri Pulau Pinang itu tidak memaklumkan pertemuan itu kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada Januari 2011, sebaliknya hanya menyatakan sebuah syarikat swasta ingin menerokai pembinaan projek tersebut.

Beliau yang ketika itu Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan negeri berkata, Guan Eng tidak mendedahkan nama syarikat secara terperinci.

Saksi pendakwaan ketiga yang kini Ketua Seksyen Pengangkutan, Bahagian Perancangan Ekonomi Pulau Pinang menyatakan demikian ketika menjawab soalan tambahan



KES rasuah Lim Guan Eng dibicarkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Timbalan Pendakwa Raya Wan Sharuddin Wan Ladin pada perbicaraan kes rasuah terhadap bekas Kementerian Kewangan itu.

Soalan pendakwaan sama ada saksi itu mengetahui Guan Eng mengadakan pertemuan dengan Pengarah Consortium Zenith Construction Sdn Bhd., Datuk Zarul Ahmad Mohd. Zulkifli dan berbincang mengenai projek itu di

Hotel Shangri-La di sini sebelum MMK bermesyuarat pada Januari 2011.

"Dalam mesyuarat MMK tersebut, beliau (Guan Eng) tidak menyatakan berjumpa atau berunding... tapi cuma menyatakan ada sebuah syarikat hendak terokai pembinaan projek terowong di Pulau Pinang," katanya.

Hock Seng yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Ne-

geri (ADUN) DAP Bagan Jermal memberitahu, Guan Eng mengarahkannya menghubungi Zarul Ahmad dan seorang lagi pengarah syarikat selepas MMK bermesyuarat.

Ahli Parlimen Bagan itu dituduh menyebabkan Pendaftar Tanah Pulau Pinang melupuskan harta milik kerajaan negeri iaitu Lot Tanah No. H.S.(D) 18801, No. PT Lot 702 Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timor Laut, Pulau Pinang, bernilai RM135,086,094 kepada Syarikat Ewein Zenith Sdn. Bhd.

Beliau juga dituduh menyebabkan Pendaftar Tanah Pulau Pinang melupuskan Lot Tanah No.H.S.(D) 19318, No. PT Lot 10012 Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timor Laut, bernilai RM73,668,986 kepada Syarikat Zenith Urban Development Sdn Bhd.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 403 Kanun Kesejahteraan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun dan sebatan serta denda, jika sabit kesalan. Perbicaraan di hadapan Hakim Azura Alwi bersambung Rabu ini.

## Lima individu termasuk jurutera direman

**SHAH ALAM:** Mahkamah Majistret di sini semalam membenarkan empat individu termasuk seorang jurutera ditahan reman selama lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah RM130,000 bagi projek jalan dan sekolah tahniz pada 2019.

Mahkamah turut membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menahan reman seorang penolong jurutera selama tujuh hari bagi membantu siasatan kes rasuah lebih RM8,000 sebagai balasan memperakunkan kerja-kerja siap bagi penyelenggaraan dan pembinaan kecil ruang pejabat di jabatan yang

Tiga kakitangan kerajaan itu berkhidmat di Jabatan Kerja Raya Hulu Selangor manakala dua lagi suspek merupakan pengurus syarikat.

Perintah reman dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret, Ahmad Faisal Azmi selepas membenarkan permohonan dikemukakan secara berasingan oleh SPRM.

Terdahulu, kesemua suspek yang memakai pakaian lokap berwarna jingga SPRM tiba secara berasingan menaiki tiga buah kenderaan.

Kesemua suspek berusia antara 37 hingga 45 tahun itu ditahan antara pukul 1.30 hingga 5 petang semalam ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Selangor.

Menurut sumber, sekitar 2019 hingga tahun lalu, suspek jurutera dan seorang penolong jurutera dipercayai meminta dan menerima rasuah ebih RM120,000 daripada kontraktor terbabit.

Katanya, tindakan itu dipercayai bagi mendapatkan kerja-kerja pembinaan jalan raya dan pembinaan sekolah tahniz.

Utusan Malaysia 28 Ogos 2021 Page 11

## Shamsubahrin mengaku tidak bersalah terima rasuah RM10,000

**KUALA LUMPUR:** Pengasas Big Blue Taxi Services, Datuk Shamsubahrin Ismail mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM10,000, Mac lalu.

Tertuduh, 55, yang hadir berkerusi roda memohon dibericarakan selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Rozina Ayob.


Pada 4 Ogos lalu, prosiding pendakwaan ditangguhkan selepas ahli perniagaan itu tidak hadir kerana disahkan positif Covid-19.

Mengikut pertuduhan, Shamsubahrin didakwa menerima wang tunai RM10,000 untuk dirinya daripada akaun Maybank milik Yusfazila Md. Yusoff sebagai dorongan untuk menyelesaikan kes seorang individu lelaki di Mahkamah Rayuan Putrajaya.

Kesalahan tersebut didakwa dilakukan di Ambank, Jalan Yap Kwan Seng di sini pukul 1.47 petang pada 4 Mac lalu.

Laporan media sebelum ini menyebut, wang itu kononnya untuk dibayar kepada timbalan pendakwa raya dan pegawai di Pejabat Peguam Negara yang menjalankan kes berkenaan.

Bapa kepada lima orang anak itu didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya



SHAMSUBAHIRIN Ismail bekerusi roda ketika hadir ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Pencegahan Rasuah Malaysia tukarkan penjara maksimum 20 (SPRM) 2009 yang memperuntukan penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang

“

Pada 4 Ogos lalu, prosiding pendakwaan ditangguhkan selepas ahli perniagaan itu tidak hadir kerana disahkan positif Covid-19.”

lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa SPRM, Abd. Muntaqim Abdul Aziz, menawarkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin terhadap tertuduh.

Bagaimanapun, peguam Muhammad Noor Azfar Muhammad Noor Azmi yang mewakili tertuduh memohon jumlah jaminan rendah dengan alasan anak guamnya telah memberikan kerjasama sepanjang siasatan dijalankan.

Mahkamah kemudian menetapkan 1 Oktober ini untuk sebutan kes.